

14/07/1999

BPR bukan alat jatuhkan pemimpin

DAKWAAN Pas bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) diperalatkan kerajaan untuk menjatuhkan beberapa pemimpinnya adalah tidak benar sama sekali.

"Kita menafikan sekeras-kerasnya. Tidak ada pembabitan kerajaan atau BPR diarahkan oleh kerajaan untuk menyiasat pemimpin parti pembangkang ini.

"Tidak ada sama sekali bahkan kerajaan tidak akan menggunakan BPR untuk menjatuhkan mana-mana pemimpin kerana BPR perlu menyiasat dan mendapat bukti jelas sebelum pendakwaan dilakukan," kata Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Othman Abdul.

Beliau yang menjawab soalan tambahan Datuk Sukri Mohamed (BN-Macang), berkata BPR memang menerima banyak aduan mengenai dakwaan Pas yang mempertikaikan kewibawaan BPR sebagai sebuah badan bebas.

Berikutan itu, beliau berharap pemimpin pembangkang dapat menghormati kedudukan BPR sebagai badan bebas yang membuat pendakwaan hanya berasaskan siasatan yang mendalam untuk kes yang dilaporkan.

Sementara itu, Othman turut membidas Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, turut campur tangan dalam kes rasuah yang membabitkan seorang menteri.

Othman berkata, dakwaan Lim itu tidak berasas kerana kerajaan tidak pernah campur tangan dalam sebarang kes yang dikendali oleh BPR.

"Saya ingin menyatakan bahawa Yang Berhormat ini agak-agak sahaja, kalau ada maklumat atau kes khusus BPR sudah pasti akan menjalankan siasatan mendalam dan mendakwa sesiapa sahaja... yang kecil atau yang besar, pemimpin kerajaan atau pembangkang," katanya.

Menjawab soalan Datuk Wira Abu Seman Yusop (BN-Alor Gajah), Othman berkata kekurangan publisiti tidak ada kaitan dengan kepimpinan pengurusan BPR atau kurangnya kes-kes yang disiasat badan itu.

Beliau berkata, BPR dari masa ke semasa memberikan liputan media mengenai tindakannya ke arah pembanterasan jenayah rasuah.

"Bagaimanapun, antara faktor yang boleh dikaitkan dengan kekurangan publisiti ialah pindaan Seksyen 21 (4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang melarang sebarang pendedahan oleh orang yang membuat tuduhan dan pegawai badan berkenaan sehingga mereka terbabit dihadapkan ke mahkamah," katanya.

(END)